



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/04/18\_21 (HQ)

### SARANAN TNB KEPADA PENGGUNA MENJELANG AIDILFITRI

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** menyarankan para pengguna agar mengambil langkah-langkah keselamatan dan penjimatan sebelum meninggalkan kediaman masing-masing untuk bercuti atau pulang ke kampung halaman sempena sambutan Aidilfitri minggu ini.

Terdapat beberapa tip yang boleh diamalkan demi memastikan keselamatan premis dan bijak tenaga, sekali gus dapat menyumbang kepada usaha mengurangkan jejak karbon, dan juga sejajar dengan strategi kelestarian dan komitmen TNB terhadap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

Langkah-langkah berkenaan ialah:

- Suis peralatan elektrik yang tidak digunakan hendaklah ditutup dan palamnya ditanggalkan bagi mengelakkan arus elektrik terus mengalir;
- Peralatan elektrik yang perlu dipasang berada dalam keadaan baik dan motor di dalam peralatan elektrik bermotor bergerak lancar;
- Semua soket berada dalam keadaan baik dan tidak dibebankan dengan penyesuai (adapter) berlebihan;
- Sekiranya perlu menyalakan lampu kediaman yang ditinggalkan, sila pertimbangkan penggunaan alat pengukur masa (*timer*) supaya ia tidak menyala 24 jam setiap hari; dan
- Buka gulungan wayar sambungan tambahan (*extension wire*) sepenuhnya bagi mengelakkan ia daripada menjadi terlalu panas sepanjang penggunaannya.

Pengguna juga dinasihatkan supaya menguji Pemutus Litar Arus Baki (PLAB) atau *Residual Current Circuit Breaker (RCCB)* di kediaman masing-masing, bagi mengesan jika ada sebarang kejanggalan. Ini adalah satu amalan yang sebaik-baiknya dilakukan sebulan sekali. Maklumat lanjut untuk mengetahui cara-cara menguji PLAB boleh diakses di laman web [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my) atau Facebook TNB Careline.

Pengguna boleh menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan TNB di talian 15454 atau Facebook TNB CareLine untuk mendapatkan bantuan sekiranya berlaku gangguan bekalan elektrik.

Kepada pelanggan yang menyambut Aidilfitri, kami mengucapkan Selamat Hari Raya Maaf Zahir & Batin dan berhati-hati di jalan raya.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 18 April 2023, jam 11:15 pagi**

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606

atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)



Suis peralatan elektrik yang tidak digunakan ditutup dan palamnya ditanggalkan bagi mengelakkan arus elektrik terus mengalir.



Pengguna juga dinasihatkan supaya menguji Pemutus Litar Arus Baki (PLAB) atau *Residual Current Circuit Breaker (RCCB)* di kediaman masing-masing, bagi mengesan jika ada sebarang kejanggalan. Sebenarnya, ini adalah satu amalan yang sebaik-baiknya dilakukan sebulan sekali.